

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YB DATUK WIRA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH  
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**MAJLIS ANUGERAH STANDARD DAN AKREDITASI KEBANGSAAN  
2017**

**31 MAC 2017 (JUMAAT)  
HOTEL SUNWAY PUTRA, KUALA LUMPUR**

**YBHG. DATUK SERI DR. MOHD AZHAR BIN HJ. YAHAYA**  
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI);

**YBHG. TAN SRI MUSTAFA MANSUR**  
Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia;

**YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN**  
Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia;

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi MOSTI;

Penerima-penerima Anugerah; serta

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

*Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku  
Malaysia.*

1. Terlebih dahulu, izinkan saya untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) kerana sudi untuk menjemput saya ke Majlis Anugerah Standard dan Akreditasi Kebangsaan 2016 ini. Sekalung ucapan tahniah saya ucapkan kepada Standards Malaysia atas penganjuran majlis anugerah yang diadakan buat kali ke-19 sejak penubuhan awal Standards Malaysia pada tahun 1996.

2. Saya amat gembira apabila dimaklumkan bahawa selepas lebih 20 tahun Standards Malaysia bergiat aktif dalam bidang standardisasi dan akreditasi, Malaysia kini mempunyai **lebih daripada 5,000 orang pakar yang terlibat dalam aktiviti pembangunan standard dan 300 orang pakar dalam aktiviti akreditasi**. Saya percaya majlis seperti ini adalah merupakan salah satu inisiatif oleh pihak Kerajaan untuk memberi penghargaan kepada pemegang taruh (*stakeholders*) terpilih, yang telah memberi banyak sumbangan dalam aktiviti standardisasi dan akreditasi di negara kita.

*Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,*

3. Seperti semua sedia maklum, standard, kualiti, pensijilan dan akreditasi telah dikenal pasti sebagai antara rangkaian elemen terpenting di bawah **Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)** iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2020 bagi merangsang pertumbuhan sosio-ekonomi negara. Standard, kualiti, pensijilan dan akreditasi juga berfungsi sebagai teras untuk menyokong bidang tumpuan utama dalam pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penambahbaikan logistik dan fasilitasi perdagangan, pengukuhan sektor pembuatan, penggunaan tenaga yang mampan dan transformasi sektor perkhidmatan.

4. Selain itu, dari aspek keselamatan untuk perlindungan pengguna, harta benda dan juga alam sekitar; standard, kualiti, pensijilan dan akreditasi juga akan dapat membantu untuk menaikkan keyakinan rakyat Malaysia terhadap semua barangan yang dibeli dan perkhidmatan yang diterima, yang mana hasilnya nanti adalah taraf hidup rakyat Malaysia akan menjadi jauh lebih berkualiti demi mencapai matlamat negara maju seperti Republik Korea Selatan, Jepun serta negara-negara maju yang lain.

5. Saya juga telah dimaklumkan bahawa melalui hasil kajian **“Economic Impact on the Usage of Standards for the Electrical & Electronic (E&E), Food & Beverage (F&B) and Agriculture Sectors”** yang telah dijalankan oleh Standards Malaysia pada tahun 2016 telah merumuskan bahawa penggunaan standard memberikan impak yang

positif kepada produktiviti negara. **Kajian ini juga telah mendapati peningkatan sebanyak 1% kepada pembangunan standard akan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 0.02% bagi sektor E&E, 0.26% bagi F&B dan 0.06% bagi sektor pertanian.**

6. Kajian ini turut merekodkan sejumlah 86% responden dari ketiga-tiga sektor tersebut telah bersetuju bahawa pematuhan kepada standard melalui pensijilan dan akreditasi telah berjaya untuk meningkatkan nilai eksport dan pasaran serta jumlah jualan syarikat. **Pematuhan kepada standard ini juga telah menyumbang kepada peningkatan keuntungan syarikat sebanyak 2 hingga 3.3% dari jumlah *Earnings Before Interest and Tax (EBIT)* yang memberikan impak yang amat signifikan kepada keuntungan syarikat.**

7. Menyedari akan hakikat ini, Kerajaan Malaysia berhasrat untuk menubuhkan satu majlis yang dinamakan **Majlis Kualiti Kebangsaan (NQC)** yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dalam memastikan semua dasar yang berkaitan dengan standard serta pematuhannya akan diselaraskan oleh MOSTI. Semua perancangan dan aktiviti serta program yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan perlu mengambil kira aspek pembangunan dan pematuhan kepada standard, aspek sains pengukuran atau kalibrasi (metrologi) dan kebolehesanan (*traceability*), tahap ketersediaan fasiliti pengujian, keberkesanan rangka kerja regulatori dan fasilitasi perdagangan (*trade facilitation*).

8. Untuk makluman para hadirin, **NQC** akan merangka satu Dasar Kualiti Kebangsaan yang komprehensif dan diikuti dengan Pelan Tindakan dalam menangani isu-isu berkaitan dengan kualiti. Sehubungan dengan itu, saya percaya penubuhan **NQC** ini adalah wajar dan tepat pada masanya dalam mewujudkan suatu tadbir urus yang lebih efisien di kalangan Kementerian, Jabatan dan Agensi terlibat dalam perkara berkaitan yang memberi kesan terhadap keselamatan rakyat, pemuliharaan alam sekitar serta pertumbuhan sosio-ekonomi negara.

*Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,*

9. Saya amat berbangga dengan pencapaian Standards Malaysia sehingga kini dalam menjalankan tanggungjawabnya kerana telah berjaya membangunkan serta menyediakan sejumlah **5,353 Malaysian Standards**. Standards Malaysia juga telah mempromosi penggunaannya secara agresif melalui perkongsian pintar dengan pelbagai *stakeholders* serta telah memberi pengiktirafan akreditasi kepada badan-badan penilaian pematuhan (*conformity assessment*) kepada **30 badan-badan pensijilan dan lebih daripada 800 makmal pengujian dan penentukuran atau kalibrasi**.

10. Suka saya kongsi di sini bahawa pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pada tahun 2016 telah menunjukkan bahawa Standards Malaysia telah berjaya melepasi sasaran sebanyak 1,000 buah syarikat. Sejumlah **1,225 buah syarikat (122.5%)** telah berjaya mendapat pensijilan untuk standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti *Quality Management Systems (QMS)*, *Environmental Management Systems (EMS)*, *Food Safety Management Systems (FSMS)* dan lain-lain lagi. Syabas saya ucapkan!

11. Saya amat berharap bagi tahun 2017 ini, lebih banyak syarikat akan tampil ke hadapan untuk memohon bagi mendapatkan pensijilan. Saya percaya melalui pensijilan, kualiti perkhidmatan dan produk akan menjadi lebih terjamin dan ianya sekali gus akan dapat meningkatkan tahap keyakinan di kalangan pengguna serta akan memudahkan syarikat untuk ke pasaran global. Seperti mana slogan yang sentiasa diwar-warkan oleh Standards Malaysia dan juga MOSTI iaitu **“Ada Standard, Untung!”**.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

12. Selain daripada peningkatan keupayaan oleh pihak industri dalam pematuhan standard (*supply creation*), aspek *“demand creation”* terhadap produk dan perkhidmatan yang berkualiti juga perlu diperkukuhkan di kalangan rakyat Malaysia. Standards Malaysia dengan kerjasama Malaysian Association of Standards Users (Standards

Users), sebuah badan NGO, telah mula menjalankan aktiviti **pembudayaan standard dan kualiti** yang memfokuskan kepada **generasi muda** dari kalangan pelajar sekolah sejak tahun 2008 lagi.

13. Untuk makluman para hadirin, aktiviti **pembudayaan standard dan kualiti** ini telah dikembangkan lagi pada tahun 2012 melalui pengenalan **Program Jelajah Standard**. Program ini bertujuan untuk memberikan kesedaran terhadap peri pentingnya standard dan kegunaannya dalam kehidupan seharian terutamanya di kalangan para pelajar. Pada tahun 2012, program ini telah dijalankan secara rintis di sebuah sekolah menengah di Port Dickson, Negeri Sembilan yang telah melibatkan 50 orang pelajar. Memandangkan sambutan yang telah diterima amatlah menggalakkan, program ini telah diperluaskan lagi pada tahun 2013 kepada **45 buah sekolah**, yang melibatkan lebih ramai pelajar iaitu seramai 1,200 orang pelajar.

14. Melalui pengalaman serta maklum balas yang diterima, format program telah diberikan pendekatan yang baharu pada tahun 2014 untuk melibatkan para pelajar dan warga pendidik. Sejumlah **106 buah sekolah** di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak telah berjaya untuk menyertai program ini pada tahun 2015 dan angka bilangan sekolah yang terlibat meningkat saban tahun iaitu dari 45 buah sekolah pada tahun 2013 kepada 106 buah sekolah pada tahun 2015. Saya percaya ini membuktikan bahawa sambutan yang memberangsangkan telah diterima daripada pihak sekolah dan pelajar. Besarlah harapan saya agar program ini akan diadakan secara berterusan pada masa hadapan demi memupuk "**budaya celik kualiti**" di kalangan anak-anak kita yang pada suatu masa nanti akan menjadi pemimpin, pengguna, peniaga dan sebagainya.

15. Saya telah difahamkan bahawa kemuncak kepada **Program Jelajah Standard** ini adalah penganjuran **Olympiad Standard Kebangsaan** yang mana ianya telah mula diadakan secara tahunan sejak tahun 2013 lagi. 10 buah sekolah yang terbaik akan dipilih pada setiap tahun untuk bertanding di peringkat kebangsaan dan pemenang pertama akan mewakili Malaysia dalam pertandingan **The International Standards Olympiad** di Anseong, Republik Korea Selatan.

16. Saya berkeyakinan bahawa inisiatif yang telah dilaksanakan ini jelas memberikan impak yang sangat positif apabila Malaysia **telah berjaya memenangi pingat emas dan perak dalam pertandingan tersebut bagi tahun 2014 dan 2016**. Ini sekaligus telah membuktikan bahawa program-program yang telah dilaksanakan oleh Standards Malaysia mempunyai potensi untuk digunakan sebagai mekanisme untuk membantu negara melahirkan kumpulan generasi muda yang mengamalkan pembudayaan kualiti. Untuk makluman semua hadirin, pasukan pemenang bagi tahun 2016 juga turut hadir bersama-sama dengan kita dalam majlis pada petang ini.

17. Pada masa yang sama, dalam memastikan kesinambungan inisiatif yang telah dijalankan dalam memenuhi keperluan pasaran untuk membekalkan tenaga pakar serta profesional STEM dalam bidang “*Quality Assurance*”, Standards Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan beberapa universiti tempatan seperti Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

18. Dalam hubungan yang sama, pada tahun lepas, Standards Malaysia telah mengadakan sesi bengkel dan taklimat mengenai standards kepada **425 orang pelajar universiti yang terdiri daripada 37 mahasiswa UM, 57 mahasiswa UUM, 245 mahasiswa USIM dan 86 orang pelajar daripada Universiti Nottingham**. Penerapan budaya kualiti pada peringkat awal ini amat berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara pada masa hadapan selain berpeluang untuk melonjakkan daya saing negara dalam mendepani era globalisasi pada masa hadapan.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

19. Walaupun saya amat berbangga dengan pencapaian prestasi secara keseluruhan aktiviti standardisasi dan akreditasi di Malaysia, masih banyak perkara yang boleh ditambah baik, diperkasa dan diperkembangkan lagi untuk menangani cabaran semasa yang semakin kompleks. Saya amat optimis dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Standards Malaysia, dan dengan sokongan jitu daripada semua

*stakeholders*, kita akan berupaya untuk memacu negara kita lebih jauh ke hadapan dan seterusnya untuk keluar daripada “*middle income trap*” berpaksikan kepada agenda transformasi negara seperti yang digariskan dalam **Program Transformasi Nasional 2050 (TN50)**. Dalam erti kata yang lain, kelangsungan aktiviti standardisasi, pensijilan dan akreditasi yang mantap adalah nadi utama terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara.

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, ucapan tahniah juga seharusnya diberikan kepada kesemua penerima anugerah dan pemenang pada petang ini. Saya amat berharap pengiktirafan yang diberikan ini akan dapat menyemarakkan lagi semangat serta dorongan kepada semua untuk mencapai prestasi yang jauh lebih tinggi. Saya juga ingin melihat perkara ini akan menjadi sumber inspirasi kepada individu, agensi dan syarikat yang lain untuk terus terlibat secara aktif dalam aktiviti standardisasi dan akreditasi di Malaysia.

21. Akhir kata, dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Anugerah Standard dan Akreditasi Kebangsaan 2016** ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum W.B.T. Terima kasih.